

10/07/1999

Gelaran Serambi Mekah bukan kerana Pas

Azman Mahmood

KOTA BHARU, Jumaat - Kelantan dikatakan negeri contoh perkembangan syiar Islam dan dikenali sebagai negeri 'Serambi Mekah' bukan kerana usaha yang dilaksanakan Pas, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Tengku Razaleigh Hamzah.

Sebaliknya, kata beliau, nama jolokan itu dikenali kerana Kelantan mempunyai ramai alim ulama besar dan banyak sekolah agama pondok menyebabkan ramai umat Islam dalam dan luar negeri belajar di negeri ini.

Tengku Razaleigh yang juga Ahli Parlimen Gua Musang berkata, dalam soal Islam di negeri itu Pas tidak ada kaitan terhadap kemajuan dan perkembangannya melainkan kekuatan Islam itu hasil usaha gigih dilakukan ulama besar terdahulu.

Katanya, rakyat Kelantan menghormati alim ulama dan tok guru kerana kemuliaan keperibadian mereka berpegang teguh kepada ajaran agama yang berbeza dengan tok guru Pas memperalatkan agama untuk kepentingan politik.

"Kita (rakyat) menghormati dan menyanjung alim ulama dan tok guru kerana mereka pendidik agama yang tidak ada kepentingan peribadi kecuali melakukan kerja agama kerana Allah.

"Sebab itu, Kelantan digelar Serambi Mekah kerana adanya tok guru (alim ulama) terkenal seperti Tok Kenali, Tok Selehor dan ramai lagi di samping banyak pondok didirikan mereka sebagai tempat belajar agama.

"Jadi, Kelantan diberi gelaran Serambi Mekah bukan kerana Pas dan tidak ada kaitan dengan parti itu," katanya berucap pada majlis perjumpaan dengan guru-guru agama, mubaligh dan penggerak masyarakat dari seluruh Kelantan, di bangunan Umno negeri, di sini, hari ini.

Kelantan memang terkenal mempunyai ramai alim ulama dan tok guru agama termasuk Tuan Guru Haji Musa (Bukit Marak), Tok Guru Haji Mat (Kampung Padang Tengah, Ketereh dan Tok Guru Haji Awang (Kampung Tanah Serendah Sekebun Bunga) juga di Ketereh yang banyak mendirikan pondok mengajar agama selain ulama besar seperti Tok Kenali, Tok Selohor dan Tuan guru Haji Mat Padang.

Tengku Razaleigh berkata, ulama yang berpegang teguh kepada ajaran Islam akan menyatakan sesuatu hukum mengikut ketetapan agama tidak seperti Pas yang berkempen kononnya berjuang untuk Islam sehingga mengelirukan rakyat.

Katanya, Pas juga mengamalkan sikap angkuh dan pemimpinnya tidak pernah menilai kebaikan dilakukan Umno yang berusaha gigih bagi memartabatkan Islam di negara ini.

"Tapi, apa yang kita lihat Pas dalam ceramahnya setiap malam mengutip duit rakyat kononnya untuk buat Serambi Mekah dan ini merosakkan gelaran negeri Kelantan itu," katanya.

Katanya, seperti hukum hudud sehingga sekarang Pas tidak laksanakan di Kelantan sebaliknya menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak setuju.

Tengku Razaleigh yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, berkata Pas sebenarnya tidak ada rancangan melaksanakan hukum itu sehingga mempermainkan hukum Allah kerana kepentingan politik.

"Pas banyak berbohong kepada rakyat dan melanggar hukum Tuhan (hukum hudud) yang dikatakan hendak dilaksanakan di Kelantan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata sudah cukup rakyat Kelantan memberi peluang kepada Pas yang banyak berbohong dan gagal melaksanakan dasar Islam yang dilaungkannya selama ini.

Katanya, rakyat perlu memberi sokongan kepada Umno dan Barisan Nasional

(BN) bagi membolehkan perubahan lebih baik dilaksanakan di negeri ini.

"Matlamat Umno dan BN bekerja untuk rakyat dan membawa kemajuan bukan mengikut puak-puak Pas berceramah setiap malam tetapi siang hari mereka tidur," katanya.

(END)